



**JABATAN PEMBANGUNAN INDUSTRI,
PEMEGANG TARUH DAN HAL EHWAL
KERAJAAN**

**GARIS PANDUAN
JABATAN PEMBANGUNAN INDUSTRI,
PEMEGANG TARUH DAN HAL EHWAL
KERAJAAN
BIL. 1 TAHUN 2025**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN GERAN
PELANCONGAN TAHUN MELAWAT
SELANGOR 2025 FASA 2**

ISI KANDUNGAN

<u>BIL.</u>	<u>PERKARA</u>	<u>M/S</u>
1.0	PENDAHULUAN	3
2.0	OBJEKTIF	3
3.0	KADAR SILING PERUNTUKAN	3
6.0	PERMOHONAN	4
7.0	TEMPOH PELAKSANAAN PROGRAM/ACARA.....	7
8.0	PERJANJIAN BERTULIS	8
9.0	TANGGUNGJAWAB PEMOHON	8
10.0	TUNTUTAN, DOKUMEN & PEMBAYARAN.....	9
11.0	JAWATANKUASA PENILAIAN	10
12.0	SENARAI SEMAK	12
13.0	CARTA ALIR	14

LAMPIRAN A

BORANG PERMOHONAN GERAN PELANCONGAN TMS 2025 FASA 2

LAMPIRAN B

ULASAN JAWATANKUASA PENILAIAN

LAMPIRAN C

ULASAN PENGERUSI JAWATANKUASA PENILAIAN

LAMPIRAN D

SURAT SETUJU TERIMA GERAN PELANCONGAN TMS 2025 FASA 2

LAMPIRAN E

TEMPLATE KERTAS CADANGAN GERAN PELANCONGAN SEMPENA TMS 2025
FASA 2

LAMPIRAN F

TEMPLATE LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM GERAN PELANCONGAN
SEMPENA TMS 2025 FASA 2

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 **Geran Pelancongan Tahun Melawat Selangor 2025 (GPTMS 2025)** bertujuan untuk memberi fokus kepada **penganjuran program/acara pelancongan** sempena Tahun Melawat Selangor 2025.
- 1.2 Medium peruntukan Geran Pelancongan TMS 2025 adalah secara tuntutan bayaran semula (*reimbursement*) di mana geran ini akan menampung sebahagian dari kos keseluruhan penganjuran program.
- 1.3 Sejumlah amaun yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor kepada pihak yang berkelayakan bagi menganjurkan program/ acara yang mempunyai elemen pelancongan sepanjang tempoh Tahun Melawat Selangor 2025.
- 1.4 Garis panduan ini adalah sebagai rujukan pelaksanaan pengagihan Geran Pelancongan TMS 2025 kepada pemain-pemain industri pelancongan yang berkelayakan di dalam melaksanakan aktiviti dan acara pelancongan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Menyemarakkan dan mengaktifkan semula sektor pelancongan Negeri Selangor bersempena Tahun Melawat Selangor 2025.
- 2.2 Mempergiatkan lagi penganjuran program/acara pelancongan sepanjang Tahun Melawat Selangor 2025.
- 2.3 Memastikan industri pelancongan terus berdaya saing dengan memberi sokongan dan bantuan (*incentif*) kepada pihak swasta serta penggiat industri untuk mempromosi dan meletakkan Negeri Selangor sebagai destinasi pelancongan terunggul di dunia.
- 2.4 Menjalinkan kerjasama yang kolektif antara Kerajaan Negeri Selangor bersama pihak swasta serta penggiat industri pelancongan dalam menjayakan Tahun Melawat Selangor 2025.

3.0 KADAR SILING PERUNTUKAN

- 3.1 Jumlah amaun tuntutan bayaran semula (*reimbursement*) bagi penganjuran program/acara adalah sehingga **RM30,000.00** (RINGGIT MALAYSIA: TIGA PULUH RIBU SAHAJA) (kadar siling maksimum).
- 3.2 Siling peruntukan adalah untuk **PENGANJURAN PROGRAM/ACARA SEPANJANG TAHUN SEMASA.**

4.0 KAEDAH PENYALURAN GERAN

Kaedah penyaluran peruntukan akan dilakukan melalui kaedah pembayaran semula (*reimbursement*) selepas acara dijalankan oleh pihak pemohon/penganjur (melalui proses tuntutan pembayaran GPTMS 2025).

6.0 PERMOHONAN

- 6.1 Pengajur dibenarkan memohon satu (1) bilangan program/acara sahaja pada tahun semasa.
- 6.2 Organisasi yang layak memohon:
 - a) Syarikat dan Organisasi Swasta Tempatan;
 - b) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
 - c) Anak Syarikat di bawah Kerajaan Negeri; dan
 - d) Persatuan/Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)
 - e) Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta
- 6.3 Permohonan tidak dipertimbangkan
 - 6.2.1 Permohonan daripada Kementerian, Jabatan dan Pejabat/Agensi Kerajaan
 - 6.2.2 Tidak berdaftar dengan mana-mana pendaftar yang diiktiraf atau badan Kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang negara;
 - 6.2.3 Pertubuhan politik dan keagamaan;
 - 6.2.4 Individu / orang perseorangan;
 - 6.2.4 Mana-mana entiti yang telah disenaraihitamkan oleh pihak Kerajaan;
 - 6.2.5 Permohonan yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di dalam garis panduan dan melebihi tempoh permohonan.
- 6.3 Kriteria acara/program yang dibenarkan
 - 6.3.1 Program/Acara Pelancongan yang mempunyai elemen penyertaan dari negeri-negeri dalam Malaysia
 - 6.3.2 Pameran Pelancongan (*Travel Fair*) berdasarkan *Business to Consumer* (B2C) dan *Business to Business* (B2B) yang memfokuskan kepada promosi dan penjualan pakej Negeri Selangor sahaja.
 - 6.3.3 Program/Acara minat khas (*Niche*) yang menyuntik elemen pelancongan dan mampu menarik penyertaan dari dalam dan luar negara; dan
 - 6.3.4 Pengajuran acara sukan TERHAD kepada acara berbentuk rekreasi, karnival, sukan rakyat dan gaya hidup yang memberikan impak kepada industri pelancongan dan sosioekonomi setempat.

GARIS PANDUAN GPTMS 2025

- 6.3.5 Penganjuran acara berbentuk festival atau hiburan yang mempunyai elemen pelancongan / mampu memberi nilai tambah promosi TMS 2025.
- 6.3.6 Program/acara yang dianjurkan wajib mendapatkan lesen/permit yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berwajib.
- 6.4 Kriteria acara/program yang tidak dipertimbangkan
 - 6.4.1 Mempromosikan produk/ tempat SAHAJA tanpa ada program/acara yang dianjurkan
 - 6.4.2 *Familiarisation Trip (FAMTrip)* tidak dibenarkan
 - 6.4.3 Penerbitan video/dokumentari/bahan promosi berbentuk video atau seumpamanya;
 - 6.4.4 Pembangunan aplikasi/kandungan/laman web;
 - 6.4.5 Bengkel/mesyuarat/konvensyen/seminar/persidangan/ insentif
 - 6.4.6 Program berunsur politik dan melibatkan sensitiviti masyarakat / kaum;
 - 6.4.7 Penganjuran acara yang menjalankan perniagaan / aktiviti yang dilarang Kerajaan, termasuk minuman keras, berasaskan tembakau, rokok elektronik, perjudian atau berunsur bahan terlarang.
- 6.5 Elemen Penganjuran
 - 6.5.1 **Promosi / Publisiti / Pengiklanan** acara yang dianjurkan wajib memaparkan penjenamaan Tahun Melawat Selangor 2025 & Tourism Selangor termasuk medium cetak, elektronik, platform digital serta saluran media sosial;
 - 6.5.2 **Bahan Penerbitan dan Cetakan** program/acara wajib memaparkan penjenamaan Tahun Melawat Selangor 2025 & Tourism Selangor;
 - 6.5.3 **Elemen Publisiti dan Promosi Secara Domestik atau Antarabangsa** perlu dilaksanakan bagi memberikan impak kepada program/acara.
- 6.6 Kelayakan Pemohon

Pemohon perlu mempunyai pendaftaran yang sah dan hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen bukti pendaftaran/pengesahan seperti berikut:

 - i. Syarikat dan Organisasi Swasta Tempatan;
 - a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - b) *Corporate Information;*
 - c) *Summary of Share Capital;*
 - d) *Directors/Officers;*

- e) Shareholder/Members;
 - f) Salinan Penyata Kewangan Terkini.
- ii. Persatuan/Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Tempatan
- a) Borang 3, Akta Pertubuhan 1966; dan
 - b) Borang Pendaftaran Badan Sukan yang berkaitan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 (untuk persatuan yang berkaitan).

6.5 Format Kertas Cadangan

6.5.1 Setiap kertas cadangan hendaklah memenuhi format seperti berikut:

- **Tajuk** Program/Acara
- **Cadangan** Tarikh & Tempat
- **Latar Belakang** Program/Acara
- **Objektif** Program/Acara
- **Sasaran Pengunjung**
- Promosi/Publisiti/Pengiklanan
- Perincian Perbelanjaan
- Impak Program/Acara kepada Negeri Selangor
- Senarai bantuan/tajaan yang diterima dari pihak lain (sekiranya ada)

6.5.2 Penyediaan Kertas Cadangan hendaklah menggunakan font Arial 12.

6.5.3 Setiap kertas cadangan yang dihantar perlu dilampirkan dokumen sokongan yang lengkap seperti yang telah dinyatakan di senarai semak permohonan.

6.5.4 Kertas Cadangan hendaklah dikemukakan di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

6.5.5 Bagi penganjuran program/acara sukan, penganjur hendaklah mendapatkan surat kelulusan/pengiktirafan/pengesahan dari pihak berwajib yang berkaitan (*sanctioning body*).

6.5.6 Jawatankuasa berhak menentukan ciri dan aspek yang ingin disokong/diluluskan di dalam kertas cadangan mengikut kadar

GARIS PANDUAN GPTMS 2025

penilaian sewajarnya dan tidak tertakluk kepada keseluruhan penganjuran program/acara SAHAJA.

6.6 Tempoh permohonan

- 6.6.1 Tempoh permohonan Geran Pelancongan TMS 2025 adalah pada 1 Julai 2025 sehingga 31 Oktober 2025.
- 6.6.2 Sebarang permohonan yang diterima selepas tarikh akhir permohonan tidak akan diterima.
- 6.6.3 Sebarang permohonan yang tidak lengkap dan tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan akan ditolak.

6.7 Penyerahan permohonan geran

- 6.7.1 Permohonan hendaklah dikemukakan secara fizikal di Pejabat Tourism Selangor seperti berikut:

Sekretariat
Geran Pelancongan Tahun Melawat Selangor 2025
Tourism Selangor Sdn Bhd
Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan
Jalan Indah, Seksyen 14
41000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

6.8 Sesi pembentangan

- 6.8.1 Pihak Sekretariat akan menghubungi pemohon yang disenarai pendek bagi membuat sesi pembentangan bersama Jawatankuasa Penilaian GPTMS 2025.

7.0 TEMPOH PELAKSANAAN PROGRAM/ACARA

- 7.1 Tempoh pelaksanaan program/acara adalah bermula pada Julai 2025 sehingga 31 Disember 2025.
- 7.2 Permohonan program/acara yang telah diluluskan hendaklah dijalankan pada tarikh seperti yang telah dicadangkan di dalam kertas cadangan.
- 7.3 Sebarang perubahan tarikh dan lokasi pelaksanaan program/acara hendaklah dimaklumkan kepada sekretariat sekurang-kurangnya 14 hari bekerja sebelum tarikh program/acara berlangsung.
- 7.4 Sekiranya tiada pemakluman berkenaan pindaan tarikh, pihak Jawatankuasa untuk membatalkan kelulusan program/acara.

8.0 PERJANJIAN BERTULIS

- 8.1 Bagi kelulusan penganjuran program/acara yang telah diluluskan oleh pihak Jawatankuasa, penganjur akan menerima Surat Rasmi Kelulusan Permohonan dan **Surat Setuju Terima (SST)** berserta terma dan syarat yang perlu dipatuhi.
- 8.2 **Surat Setuju Terima (SST) yang telah ditandatangani adalah MUKTAMAD** dan sebarang perubahan:
 - i. **Skala kecil seperti tarikh, lokasi** perlu dimaklumkan secara bertulis kepada pihak sekretariat.
 - ii. Perubahan konsep dan lain-lain perlu dimohon secara rasmi dan mendapat kelulusan Jawatankuasa GPTMS 2025.
- 8.3 Sekiranya pihak penganjur melanggar sebarang terma dan syarat yang ditetapkan, pihak Jawatankuasa berhak untuk membatalkan kelulusan GPTMS 2025.

9.0 TANGGUNGJAWAB PEMOHON

- 9.1 Semasa Program / Acara Berlangsung
 - a) **Pemohon hendaklah** memastikan pelaksanaan dan penganjuran program/acara mengikut syarat-syarat dan terma yang telah dipersetujui bersama;
 - b) **Permohonan hendaklah** sentiasa membudayakan norma baharu dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Kerajaan sebagai memperkasa usaha memerangi penularan wabak penyakit berjangkit; dan
 - c) **Pemohon hendaklah** memastikan tidak berlaku penyalahgunaan dalam apa jua bentuk, selain dari tujuan asal permohonan.
 - d) **Pemohon digalakkan** untuk mempunyai insuran (*public liability*) di samping mematuhi prosedur dan undang-undang Malaysia yang berkuatkuasa. Tourism Selangor tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecelakaan / perkara yang berlaku semalam, semasa atau setelah program/acara.
 - e) **Pemohon WAJIB** menghantar surat jemputan kepada Tourism Selangor untuk menghadiri program/ acara yang dilaksanakan.

10.0 TUNTUTAN, DOKUMEN & PEMBAYARAN

- 10.1 Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen tuntutan yang lengkap selepas program dilaksanakan untuk tujuan pembayaran berdasarkan senarai semak tuntutan:
- a) Surat Tuntutan Pembayaran (ditandatangani berserta cop rasmi syarikat / persatuan);
 - b) Salinan Surat Setuju Terima (SST) yang telah ditandatangani;
 - c) Surat Kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ PUSPAL / PDRM (yang berkaitan) khusus untuk tujuan penganjuran program/acara mengikut SOP yang sedang berkuat kuasa;
 - d) Surat kelulusan dari Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi penganjuran program/acara minat khas (niche) (sekiranya berkaitan);
 - e) Laporan Pelaksanaan Program berserta dokumen sokongan pembayaran (invois/ resit sebenar/ penyata bank/ *payment voucher*) sebagai bukti penganjuran program/ acara telah dilaksanakan dengan jayanya.
 - f) **Permohon hendaklah** memastikan penganjuran program/acara memenuhi kualiti dan jangkaan Tourism Selangor termasuk mencapai ROI yang dikehendaki; dan
 - g) **Pemohon hendaklah** melaporkan ratio/survei program/acara (sekiranya perlu).
- 10.2 Dokumen tuntutan bayaran yang lengkap akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilaian untuk kelulusan penyaluran.

11.0 JAWATANKUASA PANEL PENILAI

11.1 Tanggungjawab Jawatankuasa

11.1.1 Menilai dan mempertimbangkan kelulusan Geran Pelancongan TMS 2025.

11.1.2 Mengesahkan penyaluran peruntukan GPTMS 2025.

11.1.3 Memantau pelaksanaan program GPTMS 2025 secara keseluruhan.

11.2 Ahli Jawatankuasa Panel Penilai


11.2.1 Ahli Jawatankuasa Panel Penilai GPTMS 2025 adalah seperti berikut:

BIL.	JAWATAN	JABATAN
1	Pengerusi	Ketua Pegawai Eksekutif
2	Ketua Sekretariat	Pengurus Pembangunan Industri, Pemegang Taruh & Hal Ehwal Kerajaan
3	Ahli Jawatankuasa Penilaian GPTMS 2025	Pengurus Akaun
4		Pengurus Acara dan Pelancongan Fokus
5		Pengurus Promosi
6		Pengurus Komunikasi Korporat
7		Pengurus Pembangunan Produk dan Pakej
8		Pengurus Strategi Korporat

11.2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Panel Penilai sah dijalankan sekurang-kurangnya dengan kehadiran 4 Ahli Jawatankuasa.

11.2.3 Jabatan Pembangunan Industri, Pemegang Taruh & Hal Ehwal Kerajaan akan bertindak sebagai Sekretariat GPTMS 2025.

11.2.4 Struktur Organisasi Jawatankuasa Panel Penilai adalah seperti berikut:



12.0 SENARAI SEMAK**12.1 Senarai Semak Permohonan Geran Pelancongan TMS 2025 Fasa 2**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN GERAN PELANCONGAN TAHUN MELAWAT
SELANGOR FASA 2**

BIL.	PERKARA	TANDA (/)	CATATAN
1	Borang Permohonan GPTMS 2025		
2	Kertas Cadangan <ul style="list-style-type: none"> i. Maklumat Penganjuran Program/Acara <ul style="list-style-type: none"> ➤ Tarikh ➤ Masa ➤ Lokasi ii. Latar Belakang Program/Acara iii. Objektif Program vi. Itinerari Program / Acara vii. Sasaran Pengunjung viii. Kaedah Promosi/Publisiti/Pengiklanan ix. Perincian Perbelanjaan x. Impak program/acara kepada Kerajaan Negeri Selangor 		
3	Dokumen Pengesahan Syarikat / Organisasi Swasta / Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) Tempatan <ul style="list-style-type: none"> i. Pendaftaran Pendaftaran Syarikat (SSM) /Organisasi/ Persatuan ii. Profil Syarikat / Persatuan/ Organisasi 		

PERINGATAN

Permohonan yang lengkap hendaklah **dikemukakan di dalam tempoh 30 hari bekerja sebelum program/acara dilaksanakan.**

Permohonan yang **lewat** diterima dari tempoh tersebut **tidak akan dipertimbangkan.**

12.2 Senarai Semak Tuntutan Pembayaran Geran Pelancongan TMS 2025 Fasa 2



SENARAI SEMAK TUNTUTAN PEMBAYARAN GERAN PELANCONGAN TAHUN MELAWAT SELANGOR FASA 2


BIL.	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Surat tuntutan pembayaran – ditandatangani berserta cop rasmi syarikat/persatuan.		
2.	Salinan Surat Setuju Terima (SST) yang ditandatangani berserta terma dan syarat yang telah dipersetujui.		
3.	Surat kebenaran penganjuran PUSPAL/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) /PDRM/ Pemilik Lokasi (yang berkaitan).		
4.	Laporan Penuh Pelaksanaan Program/Acara <ul style="list-style-type: none"> • Maklumat penganjuran • Pencapaian penganjuran • Laporan bergambar • Senarai nama peserta / kehadiran • Hebah promosi/ penerbitan iklan/ akhbar • Invois, resit dan penyata bank 		

PERINGATAN

Tuntutan bayaran bagi Geran Pelancongan Tahun Melawat Selangor 2025 yang telah diluluskan hendaklah dikemukakan dalam tempoh **14 hari bekerja** selepas tarikh penganjuran program/acara.

13.0 CARTA ALIR

CARTA ALIR PERMOHONAN GERAN PELANCONGAN TAHUN MELAWAT SELANGOR FASA 2



PERMOHONAN LENGKAP HENDAKLAH DIKEMUKAKAN SECARA ‘HARD COPY’ KEPADA:

SEKRETARIAT

GERAN PELANCONGAN TAHUN MELAWAT SELANGOR 2025

TOURISM SELANGOR SDN BHD

TINGKAT 5, BANGUNAN DARUL EHSAN

JALAN INDAH, SEKSYEN 14

SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

DAN E-MEL SALINAN KEPADA: -

stakeholder@tourismselangor.my

TALIAN UNTUK DIHUBUNGI: -

Talian Am Pejabat: 03- 5513 2000

En Mohd Haffez bin Hanip: 019-207 1381

En Mohd Yusri bin Abdullah: 016-207 6975

GARIS PANDUAN GPTMS 2025

No. Rujukan	GPTMS/
Tarikh Terima	



**BORANG PERMOHONAN
GERAN PELANCONGAN TAHUN MELAWAT SELANGOR 2025 FASA 2**

A. MAKLUMAT PEMOHON

Nama Syarikat / NGO : _____

Alamat : _____

No. Pendaftaran Syarikat : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

No. Tel Pejabat : _____

No. Tel Bimbit : _____

Emel : _____

B. MAKLUMAT PROGRAM / ACARA

Nama Program / Acara : _____

Tarikh Penganjuran : _____

Lokasi Penganjuran : _____

Kos Penganjuran (RM) : _____

Senarai Bantuan Agensi Lain (Jika Ada) : _____

Adakah anda pernah menerima Geran dari Tourism Selangor sebelum ini? : Ya Tidak

Jika Ya, sila nyatakan jenis geran yang pernah diterima:

C. PERAKUAN PERMOHONAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat dan keterangan yang diberikan adalah benar dan saya bersetuju dengan segala keputusan yang dibuat oleh Tourism Selangor.

Tandatangan: _____
Tarikh : _____

Cop Syarikat :

GARIS PANDUAN GPTMS 2025



**ULASAN JAWATANKUASA PANEL PENILAI
GERAN PELANCONGAN TAHUN MELAWAT SELANGOR 2025 FASA 2**

JABATAN:	CEO	<input type="checkbox"/>	EVT	<input type="checkbox"/>	PRM	<input type="checkbox"/>	CC	<input type="checkbox"/>
ACC & ADM	<input type="checkbox"/>	CS	<input type="checkbox"/>	PPD	<input type="checkbox"/>			

Nama Program:

Kriteria Penilaian :

Skala

1 : Sangat Tidak Setuju
4 : Setuju

2 : Tidak Setuju
5 : Sangat Setuju

3 : Neutral

- | | | | | | |
|--|--------------------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| 1. Program selaras dengan objektif Tahun Melawat Selangor 2025 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. Program mempunyai impak tinggi kepada industri pelancongan Negeri Selangor | <input type="checkbox"/> |
| 3. Program mempunyai potensi untuk menarik lebih ramai pengunjung - Domestik /Antarabangsa | <input type="checkbox"/> |
| 4. Kaedah promosi program yang baik dan mencapai sasaran audience | <input type="checkbox"/> |
| 5. Pengajur mempunyai kredibiliti dan berpengalaman menganjurkan program | <input type="checkbox"/> |

Ulasan Penilai:

KATEGORI GERAN GPTMS 2025	SYOR	TIDAK SYOR	PENGESAHAN JAWATANKUASA PANEL PENILAI
Geran Discover Selangor - RM 10,000.00			
Geran Splendid Selangor - RM 20,000.00			
Geran Surprising Selangor - RM 30,000.00			<p>.....</p> <p>Nama : Jawatan : Tarikh :</p>

GARIS PANDUAN GPTMS 2025



**ULASAN PENGERUSI JAWATANKUASA PANEL PENILAI
GERAN PELANCONGAN TAHUN MELAWAT SELANGOR 2025 FASA 2**

JABATAN:	CEO	<input type="checkbox"/>	EVT	<input type="checkbox"/>	PRM	<input type="checkbox"/>	CC	<input type="checkbox"/>
	ACC & ADM	<input type="checkbox"/>	CS	<input type="checkbox"/>	PPD	<input type="checkbox"/>		

Nama Program:

Ulasan KPE :

KATEGORI GERAN GPTMS 2025	LULUS	TIDAK LULUS
Geran Discover Selangor - RM 10,000.00		
Geran Splendid Selangor - RM 20,000.00		
Geran Surprising Selangor - RM 30,000.00		

PENGESAHAN PENGERUSI JAWATANKUASA PANEL PENILAI		
	Nama	YBrs. Puan Chua Yee Ling
	Jawatan	Ketua Pegawai Eksekutif
Tandatangan	Tarikh	



**SURAT SETUJU TERIMA
GERAN PELANCONGAN TAHUN MELAWAT SELANGOR 2025 FASA 2**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
TOURISM SELANGOR SDN BHD**
Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tuan/Puan,

Saya No. K/P

selaku wakil **bersetuju / tidak**
bersetuju menerima Wang Penyaluran Geran Pelancongan Tahun Melawat Selangor
2025 Fasa 2 tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam surat
kelulusan.

Kerjasama dan makluman pihak Tuan/Puan berkenaan perkara tersebut diatas
amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Cop Rasmi:

.....
(Tandatangan)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama :
Jawatan :
Tarikh :

Nama :
Jawatan :
Tarikh :